

# Sukan

## SILAT



**REHAT DUA BULAN:**  
Shakir Juanda tidak boleh beraksi selama dua bulan selepas menjalani pembedahan di buku lali kanan bagi mengeluarkan serpihan tulang. — Foto SHAKIR SAIFUDDIN

## Shakir 'berkorban' demi Kejohanan Dunia

► **NORMAN SAWI**  
normans@sph.com.sg

**PERSIAPANNYA** bagi Kejohanan Pencak Silat Dunia akhir tahun ini kini terganggu.

Malah, bekas juara dunia Muhammad Shakir Juanda juga akan terlepas beraksi dalam Kejohanan Pencak Silat Asia kedua yang mencapai kemuncaknya esok di Dewan Sukan Bedok.

Namun Shakir berkata beliau rela 'berkorban' buat tempoh sementara daripada menanggung 'derita' jangka panjang.

Minggu lalu, Shakir menjalani pembedahan buku lali kanan demi mengeluarkan beberapa serpihan tulang yang menyebabkan kesakitan apabila membuat tendangan.

Beliau mengalami kecederaan itu semasa beraksi dalam Pencak Silat Nasional awal tahun ini, menambah kepada kecederaan lutut kiri yang dialaminya dalam Sukan SEA tahun lalu.

"Memang hampa kerana terlepas berlatih... tetapi pembedahan ini perlu bagi menentukan saya pulih sebaik-baiknya sebelum kejohanan dunia nanti.

"Ia juga memberi saya masa rehat tambahan bagi merawat kecederaan lutut lama," kata Shakir.

Kecederaan kali ini adalah yang paling serius dialaminya dalam penglibatannya selama 13 tahun bersama pasukan nasional, menurut Shakir.

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura

(Persis), Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, menetapkan matlamat tinggi dan sekurang-kurangnya dua emas bagi 20 pesilat nasional yang bakal beraksi hujung minggu ini.

Beliau menjangka pingat emas daripada juara berganda Sukan SEA Muhammad Nur Alfian Juma'en (Kelas G, 75-80kg) dan juara dunia Sheik Farhan Sheik Alau'ddin (Kelas J, 85-90kg).

Menurut Sheik Alau'ddin, juga bekas juara dunia dan juara berganda Sukan SEA, pesilat nasional perlu menggunakan pertandingan ini bagi mengonfirmasi keupayaan diri sendiri berbanding pesilat terbaik di dunia.

Kecuali Malaysia dan Indonesia yang tidak mengambil bahagian, 'gergasi' silat seperti Thailand dan Vietnam telah memberi pengesahan menghantar pesilat utamanya ke Singapura.

Sejumlah sembilan negara mengambil bahagian hujung minggu ini, termasuk Afghanistan, Bangladesh, India, Iran, Jepun dan Korea Selatan.

Kejohanan Pencak Silat Sekolah Sukan Dunia sulung juga dianjurkan serentak dengan pertandingan ini. Singapura diwakili 10 pesilat dari Sekolah Sukan Singapura.

Semalam, Shek Alau'ddin, yang juga presiden Persekutuan Pencak Silat Asia (APSIF), melancarkan program 'Silat ke arah Olimpik' di acara pembukaan di Dewan Sukan Bedok.

Aksi diteruskan hari ini dan esok, bermula 9 pagi di tempat sama.

Tiket berharga \$5 dijual di pintu masuk.